

27 AUG 2001

DUA MENTERI CROATIA MULAKAN LAWATAN RASMI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Republik Croatia, Tonino Picula dan Menteri Kewangan Mato Crkvenac memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia hari ini bagi memupuk hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, kedua-dua menteri, yang mempunyai aturcara berasingan, diiringi para pegawai kanan kementerian masing-masing.

Esok, Picula akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai perkara-perkara dua hala serta isu-isu pelbagai hala.

Malaysia membuka kedutaan di Croatia pada Julai 1994 manakala negara itu membuka kedutaannya di sini pada November 1995.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan rasmi ke negara itu pada Disember 1994 dan April 1996 manakala Perdana Menteri Croatia ketika itu Zlatko Matesa melawat Malaysia pada Mac 1997.

-- BERNAMA

NJ AZZ RHM